



SIARAN MEDIA

KARISMA TAHUN BARU CINA – RM400 RIBU BERI MANFAAT KEPADA LEBIH 1,000 ORANG PENDUDUK KAUM CINA PARLIMEN MUAR

**TETAMU KEHORMAT : YB. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

TARIKH : 14 JANUARI 2012 (SABTU)

**TEMPAT : SEKOLAH KEBANGSAAN JENIS CINA (SJKC) PU NAN,
JALAN SEKOLAH, BUKIT BAKRI,
MUAR, JOHOR**

MUAR, 14 JANUARI 2012 – Seramai **30** orang peserta AZAM Niaga dan AZAM Khidmat hari ini telah menerima barangan permulaan perniagaan (start-up kit) berjumlah **RM150 ribu** pada Program **KARISMA Tahun Baru Cina** yang diadakan di SJKC Pu Nan Muar, Johor. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB. Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurut Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat, "Bantuan yang diberikan adalah bagi membantu golongan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan **berteraskan konsep social enterprise (keusahawanan sosial) dan pendekatan kebajikan produktif (productive welfare)** dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka". Tambah beliau, ini juga merupakan usaha Kerajaan untuk membolehkan golongan ini untuk hidup berdikari. Di samping itu, golongan ini seterusnya layak dipertimbangkan untuk memohon pinjaman kewangan melalui skim pinjaman mikro daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

yang juga merupakan rakan kongsi pintar Kementerian di dalam Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Daripada **1 Januari sehingga 31 Disember 2011**, seramai **66,243 orang peserta** telah menyertai program Teman 1AZAM di seluruh negara. Antara projek yang mendapat sambutan dalam kalangan peserta adalah projek jahitan, perniagaan kedai makanan, dan perniagaan kuih-muih. Program 1AZAM terdiri daripada program AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Pada majlis yang sama, seramai **1,000 orang** tetamu telah menerima bakul makanan dan sumbangan ang pau berjumlah **RM250 ribu** bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina yang bakal menjelang. Selain itu, geran bantuan bagi menjalankan Program SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita) turut diberikan kepada **4 badan bukan Kerajaan (NGO)** bagi melaksanakan Siri Penjelajahan Kesejahteraan Keluarga Untuk Rakyat (SPEKKTRA) untuk mendidik dan menggembelng peranan semua pihak terhadap usaha pencegahan jenayah menerusi peningkatan Kesejahteraan Keluarga.

Turut hadir sama pada majlis pelancaran tersebut ialah YB. Dato' Sri Dr Chua Soi Lek, Pengerusi MCA Kebangsaan, YB. Senator Dato' Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pengerusi-pengerusi MCA dan MPWK Negeri Johor.

#####

Disediakan oleh : Unit DMO NKRA-LIH KPWKM
Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4,
Putrajaya
Telefon : 03 – 8323 1000
Tarikh : 14 Januari 2012

